



"MEMELIHARA MARUAH DALAM MEDIA SOSIAL".1

2	الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: وَلَا تَقْرَبُوا الزَّيْنَىٰ إِنَّهُ كَانَ فَحِشَةً وَسَاءَ سَبِيلًا ﴿٣٢﴾
3	أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ
4	أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ! أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٠٢﴾
5	<p>Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,</p> <p>Marilah kita sama-sama berusaha meningkatkan ketakwaan kepada Allah dengan mematuhi segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan dengan keazaman dan istiqamah dalam melakukan ibadah menjadikan kita hamba yang bertakwa di sisi Allah.</p>
6	<p>Mimbar Jumaat pada hari ini akan membincangkan tajuk "MEMELIHARA MARUAH DALAM MEDIA SOSIAL".</p> <p>Hadirin sidang Jumaat yang dikasihi,</p>
7	<p>Syariat Islam yang diturunkan ke atas manusia mempunyai objektif dan tujuannya yang tertentu. Objektif dan tujuan ini dipanggil sebagai maqasid syariah. Ia bertujuan mendatangkan maslahat dan menolak mudarat dalam kehidupan manusia. Sebab itu, Islam adalah agama yang menegah manusia daripada melakukan sebarang kerosakan dan kemusnahan.</p>



<p>Firman Allah SWT dalam surah al-An'am ayat 54:</p> <p style="text-align: center;">... كَتَبَ رَبُّكُمْ عَلَىٰ نَفْسِهِ الرَّحْمَةَ ...</p> <p><i>"Tuhan kamu telah menetapkan bagi diri-Nya untuk memberi rahmat (yang melimpah-limpah)."</i></p>	8
<p>Syariat Islam merupakan rahmat Allah ke atas manusia. Apa yang diperintahkan-Nya adalah mendatangkan maslahat kepada manusia dan apa yang ditegah-Nya adalah untuk mencegah berlaku kemudaratan dalam diri manusia.</p>	9
<p>Antara objektif dalam syariat Islam ialah memelihara maruah daripada sebarang bentuk yang boleh mendatangkan aib dan merosakkan imej sebagai seorang muslim atau muslimah. Disebabkan itu apa jua perbuatan yang boleh mencemarkan maruah seperti qazaf iaitu tuduhan zina ke atas muslimah yang solehah, mencela, memfitnah, mendedahkan aib dan sebagainya adalah dilarang agar maruah manusia terpelihara.</p>	10
<p>Kewajipan memelihara maruah ini disebutkan secara jelas dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah Radhiallahu'Anhu bahawa Nabi SAW bersabda :</p> <p style="text-align: center;">بِحَسَبِ أَمْرِي مِنَ الشَّرِّ أَنْ يَحْقِرَ أَخَاهُ الْمُسْلِمَ، كُلُّ الْمُسْلِمِ عَلَى الْمُسْلِمِ حَرَامٌ: دَمُهُ وَمَالُهُ وَعِرْضُهُ</p>	11
<p><i>"Memadai seseorang itu dikira melakukan kejahatan dengan menghina saudara muslimnya. Setiap muslim ke atas muslim yang lain adalah haram iaitu darahnya, hartanya dan maruahnya."</i></p> <p style="text-align: right;">(Riwayat Muslim).</p>	12



<p>Dunia tanpa sempadan hari ini menyaksikan kemunculan pelbagai laman sesawang dan media sosial yang menjadi medium mencari kenalan dan perbincangan antara manusia dengan lebih mudah dan cepat. Manusia yang berada beribu batu jauhnya mampu berkomunikasi dengan pihak yang lain dengan kadar yang cukup pantas.</p>	13
<p>Hari ini dengan media sosial seperti facebook, blogspot, Instagram, twitter, whatsapp dan sebagainya menjadi satu keperluan dalam kehidupan manusia. Bahkan setiap masa ada sahaja berita, cerita serta luahan hati yang dikongsi dalam medium tersebut bagi mendapat perhatian dari seluruh kenalannya yang menyaksikan status yang ditulis.</p>	14
<p>Islam bukanlah agama yang menghalang kemajuan dalam kehidupan manusia bahkan Islam itu agama yang menyeru ke arah kemajuan. Namun Islam tidak hanya mementingkan kemajuan dari sudut pembangunan dan teknologi semata-mata bahkan sudut kerohanian, modal insan dan akhlak juga amat ditekankan oleh Islam dalam mengimbangi kemajuan luaran.</p>	15
<p>Muslimin yang berbahagia,</p> <p>Fenomena yang disifatkan tanpa rahsia dalam kalangan pengguna media sosial bagaikan suatu penyakit yang semakin membarah. Fenomena sebegini menyaksikan manusia bagaikan tiada sifat malu dalam diri. Apabila tiada sifat malu maka tiada lagi penjagaan ke atas maruah.</p> <p>Kita sering mendengar pengguna-pengguna media sosial yang merayu cinta dalam status yang ditulis, berkasih sayang dalam media sosial demi menunjukkan romantik dalam hubungan bahkan terdapat paparan gambar yang mengghairahkan sama ada khusus untuk buah hatinya atau pun kepada khalayak yang umum.</p>	16



<p>Perilaku sebegini mencerminkan rosaknya nilai dan maruah seseorang muslim tersebut. Inilah yang disebut medium tanpa rahsia apabila segala perkara termasuk isu yang sulit turut dijadikan status bagi mendapatkan jumlah “likers” yang tinggi.</p> <p>Perkara inilah yang dibimbangi oleh kita semua kerana ia mencerminkan manusia tanpa tamadun kerana tiada batasan dalam soal kehidupan dan pergaulan.</p>	17
<p>Benarlah bahawa sabda Nabi Muhammad SAW dalam hadis yang diriwayatkan oleh Abu Mas'ud Radhiallahu'Anhu:</p> <p>إِنَّ مِمَّا أَدْرَكَ النَّاسُ مِنْ كَلَامِ النَّبِيِّ الْأُولَى : إِذَا لَمْ تَسْتَحْيِ فَاصْنَعْ مَا شِئْتَ</p>	18
<p><i>“Sesungguhnya apa yang didapati oleh manusia daripada kata-kata para nabi terdahulu ialah apabila kamu tidak berasa malu maka lakukanlah apa yang kamu suka.”</i></p> <p><i>(Riwayat al-Bukhari).</i></p>	19
<p>Maka kita dapat lihat bagaimana manusia yang hidup tanpa ada wujud perasaan malu di dalam dirinya seakan-akan mengembalikan manusia hidup tanpa ada tamadun. Bahkan tamadun yang berasaskan kemajuan semata-mata tanpa pembangunan modal insan adalah tamadun jahiliyyah.</p>	20



<p>Akibat perasaan malu yang sudah terhakis dalam diri seseorang, kita dapat lihat bagaimana pasangan kekasih saling menghamburkan cumbuan menerusi kata-kata yang merangsang dan tidak kurang juga medium sosial menjadi medium manusia saling mencaci dan melemparkan fitnah antara satu sama lain serta membuka aib saudaranya sendiri demi menjatuhkan maruah orang yang tidak disukai.</p>	21
<p>Sedangkan secara jelas, Allah menyuruh agar menutup aib saudara kita di khalayak ramai. Abu Hurairah Radhiallahu'Anhu meriwayatkan bahawa Nabi Muhammad SAW bersabda:</p> <p style="text-align: center;">وَمَنْ سَتَرَ مُسْلِمًا سَتَرَهُ اللَّهُ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ</p> <p><i>“Dan sesiapa yang menutup aib seorang muslim maka Allah akan menutupi aibnya di dunia dan akhirat.”</i></p> <p style="text-align: right;"><i>(Riwayat Muslim).</i></p>	22
<p>Menjadi kewajipan ke atas muslim memelihara maruah dirinya dan saudaranya yang lain sama ada muslim atau bukan. Membuka aib seseorang akan menyebabkan permusuhan dan perbalahan dalam kalangan manusia bahkan boleh menimbulkan fitnah.</p>	23
<p>Laman sesawang dan media sosial sepatutnya dijadikan medium dakwah dan menambahkan ilmu serta pengetahuan dalam konteks jalinan hubungan persaudaraan dan kenalannya. Berjayanya pihak musuh apabila menjadikan umat Islam terus hanyut dengan kemodenan dunia hingga hilangnya keimanan dan ketakwaan.</p> <p>Hadirin sekalian,</p>	24



<p>Beberapa perkara yang mesti diperhatikan dalam soal memelihara maruah dalam media sosial ialah:</p> <ol style="list-style-type: none">1. Wajib menutup aurat dengan sempurna dan tidak mendedahkan aurat di khalayak ramai.2. Jaga pertuturan dan bahasa dalam menulis status. Jangan sampai membuka aib, menimbulkan fitnah, menghina dan menjurus ke arah zina.3. Jadikan media sosial sebagai medium dakwah, menambah ilmu pengetahuan serta menjalinkan hubungan silaturrahim sesama umat Islam.	25
<p>أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ إِنَّ الَّذِينَ يُحِبُّونَ أَنْ تَشِيعَ الْفَاحِشَةُ فِي الَّذِينَ ءَامَنُوا لَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ وَاللَّهُ يَعْلَمُ وَأَنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ ﴿١٩﴾</p>	26
<p><i>"Sesungguhnya orang-orang yang suka menghebahkan tuduhan-tuduhan yang buruk dalam kalangan orang-orang yang beriman, mereka akan beroleh azab seksa yang tidak terperi sakitnya di dunia dan di akhirat dan (ingatlah) Allah mengetahui (segala perkara) sedang kamu tidak mengetahui (yang demikian)."</i> (Surah al-Nur : 19).</p>	27
<p>بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.</p>	28
<p>أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَأَسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.</p>	29




KHUTBAH KEDUA

<p>الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.</p>	1
<p>اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.</p>	2
<p>أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ</p>	3
<p>Marilah kita sama-sama mengawasi diri dan keluarga kita daripada perbuatan keji dan maksiat kepada Allah SWT. Dalam masa yang sama kita terus berdoa agar seluruh negara kita senantiasa dirahmati dan dilindungi daripada segala bentuk ancaman serta penularan wabak covid 19. Semoga ianya dapat dibanteras dengan berkesan dan diakhiri segera.</p>	5
<p>Yakinlah di sebalik setiap kegelapan itu, pasti ada cahaya yang akan menerangi kehidupan. Untuk itu terimalah dengan baik saranan pihak kerajaan supaya mengambil vaksin dengan mendaftarkan diri kita melalui aplikasi Mysejahtera dan Selangkah serta lain-lain cara yang membolehkan kita mendapat suntikan vaksin yang telah disahkan oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia.</p>	6
<p>Malah kita tidak perlu gusar dan ragu-ragu lagi apabila menerima suntikan tersebut ketika berpuasa di bulan Ramadhan. Ianya telah diperhalusi dan diperbincangkan untuk menetapkan hukum keharusannya melalui Mesyuarat Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) kali ke 118 yang bersidang pada 16 hingga 17 Februari 2021 dan Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor yang telah bersidang pada 9 Mac 2021.</p>	7



<p>Mudah-mudahan kita tergolong dalam kalangan hamba-hamba Allah yang bersabar ketika menempuh segala penyakit yang menimpa, berdisiplin mematuhi Prosedur Operasi Standart (SOP) dan tatacara amalan kebiasaan baharu untuk memerangi wabak penyakit Covid 19 demi keselamatan diri serta masyarakat.</p>	8
<p>قَالَ اللهُ تَعَالَى : إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾</p>	9
<p>اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.</p>	10
<p>اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.</p>	11
<p>اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكَ الْكُفْرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمُشْرِكِينَ وَدَمِرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ. وَأَنْصِرْنَا عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ.</p>	12
<p>اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى أَنْتَحَفِظَ بَعِيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصِّمْدَانِيَّةِ،</p>	13
<p>جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ سُلْطَانَ سَلَغُورِ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ اِدْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عَبْدِ الْعَزِيزِ شَاهِ الْحَاجِ.</p>	14
<p>اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُوْنَ وَالْهُدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لَوْلِيِّ عَهْدِ سَلَغُورِ، تَغْكُو أَمِيرِ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ اِدْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ</p>	15



<p>فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطْلِعْ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمُوظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.</p>	16
<p>Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha Berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan rahmat dan keberkatan kepada negeri ini yang terus sejahtera dan maju, serta rakyatnya bersatu padu, dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai Ketua Agama Islam di negeri ini.</p>	17
<p>Ya Allah, kurniakanlah petunjuk kepada kami untuk mendirikan solat fardu lima waktu secara berjemaah, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf dan menginfakkan harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan Tabung Infak Jariah Umat Islam Selangor (TIJARI) dan kepada anak-anak yatim melalui Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE).</p>	18
<p>اللَّهُمَّ يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ، اذْفَعْ عَنَّا هَذَا الْوَبَاءَ وَالْبَلَاءَ وَالْمَرَضَ وَالشَّدَائِدَ وَالْمِحْنَ، بِطُفِكَ يَا لَطِيفُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ وَبِالْإِجَابَةِ جَدِيرٌ.</p>	19
	20
<p>اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ اللَّهُمَّ انصُرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ وَالْمُجَاهِدِينَ فِي فِلَسْطِينَ اللَّهُمَّ ثَبِّتْ إِيمَانَهُمْ وَأَنْزِلِ السَّكِينَةَ عَلَى قُلُوبِهِمْ وَوَحِّدْ صُفُوفَهُمْ وَدَمِّرْ أَعْدَاكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَانصُرْنَا عَلَيهِمْ</p>	21



<p>عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٦٠﴾</p>	22
<p>فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُوهُ ۖ إِنَّ نِعْمَهُ يُزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ ۗ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.</p>	23